

MAJLIS PELANCARAN YAYASAN HIJAU MALAYSIA DAN PERASMIAN KARNIVAL

Ya Hijau SABAH

02/03/2014

KOMPLEKS SUKAN LIKAS, KOTA KINABALU

YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman Ketua Menteri Sabah YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan Timbalan Ketua Menteri Sabah YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air YB Dato Seri DiRaja Mahdzir Khalid Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Pemimpin-pemimpin Masyarakat Tetamu-tetamu Kehormat Wakil-wakil media Tuan-tuan dan Puan-puan Para hadirin sekalian, Assalamualaikum WBT Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita sama-sama dapat berkumpul pada pagi ini sempena Majlis Pelancaran Yayasan Hijau (YaHijau) Malaysia, dan Perasmian Karnival YaHijau di Sabah. 2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) di bawah kepimpinan YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, di atas komitmen dan inisiatif berterusan yang dilaksanakan dalam usaha membangunkan dan memperkasa keupayaan Teknologi Hijau negara. 3. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan negeri Sabah, khususnya YAB Datuk Seri Panglima Musa B Hj Aman, Ketua Menteri Sabah, kerana menjadi tuan rumah kepada majlis yang bersejarah ini. 4. Saya difahamkan program Karnival YaHijau Sabah pada pagi ini adalah julung kali diadakan dalam merintis usaha untuk memperkasakan kesedaran, amalan, aplikasi dan kepentingan teknologi hijau dapat difahami dengan lebih baik, dan diterima oleh masyarakat sehingga ke peringkat akar umbi. Tuan-tuan dan Puan-puan, 5. Dunia hari ini kian dilanda pelbagai cabaran alam sekitar, dari perubahan iklim yang tidak menentu, dan pemanasan global sehingga ke pencemaran bunyi dan udara yang berleluasa, kesan dari proses pemodenan dan pembangunan global yang pesat. Manakala, kepentingan komersil yang keterlaluan turut menjadi penyebab kepada terabainya tanggungjawab sosial individu dan korporat bagi melindungi sumber-sumber asli dan alam sekitar. 6. Oleh itu, Kerajaan mempunyai peranan yang besar dan

penting di dalam usaha memperkasa agenda kelestarian, lebih-lebih lagi apabila negara Malaysia kita yang tercinta ini amat terkenal di mata dunia dengan keindahan semula jadi dan kekayaan sumber asli. 7. Sehubungan ini, Kerajaan telah mula melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meluaskan amalan mesra alam dan aplikasi teknologi hijau sebagai langkah menyokong usaha memelihara khazanah semulajadi negara, dan alam sekitar disamping memastikan persekitaran yang kondusif untuk kehidupan dan kesejahteraan rakyat. 8. Sebagai bukti bahawa Kerajaan kita berada di landasan perancangan dan pelaksanaan yang betul bagi pembangunan lestari dan kemajuan teknologi hijau, Laporan dwi-tahunan Environment Performance Indeks (EPI) 2012 yang dihasilkan oleh Yale University telah menunjukkan negara menduduki tangga ke 25 dari 132 buah negara, meningkat dari kedudukan ke-54 di dalam Laporan tahun 2010. Tuan-tuan dan Puan-Puan 9. Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau Negara secara holistik dan berterusan agar dapat memastikan kesinambungan pembangunan ekonomi negara yang mampan. 10. Bagi mendahului usaha yang termaktub di dalam Dasar ini, setiap Kementerian dan agensi Kerajaan akan melaksana penjimatan kos utiliti sebanyak 5% bermula tahun ini. Usaha-usaha ini akan dilaksana melalui amalan-amalan yang praktikal, dan melibatkan kos yang minima. Tumpuan utama akan diberikan kepada aspek kesedaran, perubahan sikap dan mentaliti kakitangan awam melaksana amalan-amalan hijau atau mesra alam. 11. Sementara itu, Kerajaan turut menggalakkan pihak industri khususnya industri kecil dan sederhana, yang merupakan tonggak pembanguan ekonomi negara, agar terus memperkasa agenda kecekapan teknologi hijau seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Induk Industri Kecil Sederhana (IKS) bagi tempoh 2012-2020. 12. Ini merangkumi usaha mengurangkan kebergantungan kepada aktiviti perniagaan yang menggunakan tenaga dan sumber asli secara intensif, dan bertukar kepada amalan dan proses pengeluaran dan mekanisma yang cekap tenaga dan air, serta lebih mesra alam. 13. Sehubungan ini, bagi terus membantu dan menyokong pihak industri membangunkan keupayaan teknologi hijau, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau Green Technology Financing Scheme-GTFS, pada tahun 2010, bertujuan meningkatkan amalan kelestarian dan mesra alam di dalam operasi kerja perniagaan dan proses-proses pengeluaran. 14. Sehingga Februari 2014, GTFS telah berjaya memberikan manfaat kepada 124 projek berasaskan Teknologi Hijau yang diusahakan oleh IKS tempatan dengan jumlah pembiayaan pinjaman mudah sebanyak

RM1.66 bilion daripada RM 3.5 bilion yang disediakan oleh Kerajaan. Tambahan lagi, sebanyak 1,729 pekerjaan hijau telah dapat diwujudkan melalui pelaksanaan projek-projek tersebut. 15. Dengan adanya baki dana sebanyak RM 1.84 billion, saya menyeru agar pihak industri khususnya, IKS untuk merebut peluang bantuan kewangan yang sedia ada ini bagi memudahkan peralihan kepada proses dan mekanisma yang dapat menghasilkan pengeluaran produk dan perkhidmatan yang lebih efficient dan berlandaskan piawaian yang mesra alam. 16. Bagi menekankan lagi keperluan mempercepatkan agenda teknologi hijau negara, Kerajaan melalui Bajet 2014 turut bersetuju menyediakan insentif-insentif seperti pemberian galakan elaun cukai pelaburan ke atas pembelian peralatan Teknologi Hijau, dan pengecualian cukai pendapatan ke atas penggunaan perkhidmatan serta sistem Teknologi Hijau. 17. Sehubungan ini, saya menggesa usahawan-usahawan tempatan mengambil kesempatan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air bagi mengambil manfaat sepenuhnya segala kemudahan kewangan dan bukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan. 18. Saya percaya keberkesanan usahawan menghasilkan produk dan perkhidmatan tempatan melalui amalan-amalan teknologi hijau ini akan membantu meningkatkan keupayaan perniagaan tempatan menjadi lebih berdaya saing, dan membuka ruang mengeksploit sepenuhnya peluang-peluang perniagaan dan pasaran yang lebih luas di peringkat antarabangsa. Tuan-tuan dan Puan-puan, 19. Pendedahan dan pendidikan awal kepada para pelajar mengenai kepentingan Teknologi Hijau adalah sangat penting. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengintegrasikan topik-topik berkaitan Teknologi Hijau dalam sukatan dan kurikulum di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah supaya murid-murid didedahkan kepada peranan dan manfaat teknologi hijau, disamping memupuk budaya menghayati konsep mesra alam dari awal lagi. 20. Di samping penerapan amalan hijau dan pengetahuan mengenai elemen Teknologi Hijau dalam sistem pendidikan formal di sekolah dan universiti, Kerajaan turut melihat kaedah hands-on dan outreach sebagai lebih berkesan dan mudah diterima oleh masyarakat, khasnya diperingkat pelajar dan belia. 21. Oleh itu, Kerajaan pada hari ini akan melangkah setapak lagi ke hadapan dalam memperkasa inisiatif untuk mempromosikan amalan dan aplikasi Teknologi Hijau dengan penubuhan Yayasan Hijau Malaysia atau nama singkatannya YaHijau Malaysia. 22. YaHijau Malaysia ini merupakan platform penting untuk menggerakkan perancangan dan pelaksanaan

program, strategi dan pendekatan bersepadu dalam meningkatkan kesedaran dan penerimaan teknologi hijau di kalangan masyarakat akar umbi, khususnya generasi muda dan belia. Tuan-tuan dan Puan-puan, 23. Besarlah harapan saya agar amalan Teknologi Hijau dapat diterapkan sebagai satu budaya oleh masyarakat di Malaysia, dan saya juga berharap usahawan di Malaysia memainkan peranan lebih aktif untuk memperkasa penggunaan teknologi hijau, agar Malaysia berjaya mencapai sasaran sebagai Hab Teknologi Hijau menjelang tahun 2020. 24. Akhir kalam, dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan pelancaran Yayasan Hijau Malaysia, dan Karnival YaHijau Sabah.

Sekian, terima kasih.

Wassalamuâalaikum WBT.